

17 SEP 1999

Mahathir-Rakyat

KERAJAAN UTAMAKAN SEMUA RAKYAT, KAYA ATAU MISKIN

LAHAD DATU, 17 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan memberi keutamaan kepada semua golongan tanpa mengira kaum dan sama ada yang kaya atau miskin.

Perdana Menteri berkata, kerajaan turut menolong yang kaya kerana mereka menyumbang kepada pendapatan negara melalui kutipan cukai yang kemudian digunakan pula untuk menyediakan pelbagai kemudahan dan program untuk membantu mereka yang miskin.

"Apabila kita dapat duit, kita tidak bazir, tapi kita tolong rakyat dengan melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), jaga mereka yang berpendapatan rendah, beri biasiswa dan sebagainya," katanya ketika merasmikan ladang PPRT di Bagahak, kira-kira 60km dari sini.

Semasa mengingatkan rakyat agar memilih kerajaan yang cekap mentadbir dan yang memberi peluang kepada semua tanpa mengira kaum atau agama, Dr Mahathir berkata hanya kerajaan sekarang yang dapat menjamin semua ini dapat diteruskan.

"Memang Barisan Nasional (BN) ingin tolong rakyat. Kita bercita-cita besar untuk menjadi negara maju dan kita yakin akan maju kerana kita tidak kurang daripada orang lain. Hanya yang perlu ialah peluang pendidikan, latihan dan semua ini disediakan kerajaan BN," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat negara ini agar tidak silap memilih kerajaan apabila menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau memberi contoh bagaimana rakyat Sabah pernah tersilap kerana memilih kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menerajui Kerajaan Negeri dari 1985-1994.

"Saya sedih kerana selepas BN mengambil alih kuasa, saya dapati bandar Kota Kinabalu lampu jalan pun tak ada. Tapi bila BN menjadi kerajaan, bukan sahaja Kota Kinabalu, malah bandar dan kampung-kampung pun mendapat bekalan elektrik dengan meluas," kata beliau di hadapan lebih 4,000 penduduk daerah ini dan daerah di sekitarnya.

"Malah BN juga telah berjaya merangka program yang lebih tersusun untuk memajukan rakyat miskin, seperti yang dibuktikan dengan kewujudan ladang PPRT di Bagahak yang saya dirasmikan hari ini," katanya.

"Semasa Sabah diperintah parti lain, tidak ada ladang PPRT, tidak ada rancangan untuk tolong orang miskin sebaliknya Sabah yang kaya telah menjadi miskin kerana balak habis ditebang tetapi duit entah ke mana," kata beliau.

Menurut Dr Mahathir lagi, walaupun pilihan raya belum tiba, rakyat harus ingat bahawa sesiapa sahaja yang dicalonkan oleh BN, tidak kira daripada parti komponen mana, mereka semua adalah calon BN dan mereka harus disokong oleh semua.

"Kita tidak kira kaum, yang kita undi dacing sahaja. Nampak dacing, pangkah dacing, tak payah fikir yang lain," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, hasrat untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 bukan angan-angan, malah ia sesuatu yang boleh menjadi kenyataan.

"Apa yang penting, kita perlu tahu bagaimana untuk memilih kerajaan. Kalau pilih yang tidak baik, akan malanglah (nasib rakyat dan negara)," kata beliau.

Negeri Kelantan, katanya, mempunyai bilangan penduduk termiskin yang paling ramai berbanding negeri lain kerana mereka telah tersilap memilih parti yang tidak mengutamakan rakyat.

"PAS dipilih kerana kononnya ia parti Islam. PAS bukan parti Islam, tapi hanya menggunakan Islam untuk mendapat sokongan. Saya harap PAS tidak akan datang ke sini kerana mereka hanya akan merosakkan masyarakat," katanya.

Beliau turut memuji Kerajaan Negeri kerana memperkenalkan konsep ladang PPRT yang bukan sahaja akan membawa banyak faedah kepada golongan berkenaan, tetapi dirancang dengan sedemikian rupa sehingga mereka akan memperolehi pendapatan dalam tempoh yang cepat.

"Tanah yang diberi sudah ditanam dengan kelapa sawit, tak payah tunggu empat atau lima tahun. Sekiranya mereka menanam sendiri, ia mengambil masa untuk mendapatkan hasil dan dalam masa itu tentu tidak menghairankan jika mereka nak jual tanah kepada pengusaha besar," kata beliau.

Keseluruhan ladang seluas 11,000 hektar itu dimajukan agensi Kerajaan Negeri Sawit Kinabalu Sdn Bhd dengan sebahagiannya diagihkan kepada 200 ketua isirumah termiskin yang memiliki 6 hektar.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, Menteri Kabinet negeri, serta Pembantu menteri.

-- BERNAMA

JS PR